

26 SEP 1998

MASYARAKAT PENDIDIK HARUS BERSABAR DALAM TANGANI ISU ANWAR, KATA GHANI

MUAR, 26 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata masyarakat pendidik tidak seharusnya bertindak secara emosi dan terpengaruh secara taksub kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat dari jawatan dalam kerajaan dan parti.

Sebaliknya, mereka sepatutnya menjadikan contoh kepada anak-anak muda di peringkat sekolah dan universiti dalam soal menegaskan kebenaran di negara ini, katanya kepada pemberita selepas merasmikan hari ucapan dan penyampaian hadiah Sekolah Menengah Ledang, Tangkak, dekat sini.

"Oleh kerana sistem keadilan negara ini ditentukan oleh mahkamah, kita seharusnya bersabar menunggu supaya fakta atau bukti yang akan dibentangkan melalui proses mahkamah," katanya.

Katanya, masyarakat pendidik tidak sepatutnya terbawa-bawa dengan emosi hingga mengambil keputusan untuk keluar berarak ke jalan raya dan menggunakan perkarangan masjid untuk mencetuskan suasana gelisah kepada masyarakat.

Menurutnya, tindakan itu hanya akan memberi peluang kepada media asing yang sentiasa berusaha untuk memberi gambaran bahawa negara ini tidak aman dan berada dalam keadaan kucar kacir.

Mengenai keadaan Umno Johor, Abdul Ghani yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata keseluruhannya anggota Umno dapat menerima tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Katanya, Umno Johor bersetuju dan rela menunggu proses mahkamah untuk menegakkan kebenaran dan keadilan dalam isu yang membabitkan masalah peribadi Anwar.

-- BERNAMA
SO BH WAT